

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 03.03.2023 MASA :03.20pm

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PECAH TANAH BAGI KERJA-KERJA  
REKABENTUK DAN NAIKTARAF LALUAN PEJALAN  
KAKI / BERBASIKAL DI PESISIR SUNGAI PERAI  
(TAMAN INDERAWASIH – TAMAN KIMSAR), PERAI,  
SEBERANG PERAI TENGAH DAN LAIN-LAIN KERJA  
YANG BERKAITAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI (FASA 1)

### OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW  
**KETUA MENTERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**04 MAC 2023 (SABTU)  
8.45 PAGI**

**PESISIR SUNGAI PERAI  
(TAMAN INDERAWASIH – TAMAN KIMSAR)**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaray Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Kawasan Perai**  
(MPKK Perai)

**Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini di **Majlis Pecah Tanah bagi Kerja-Kerja Rekabentuk dan Naiktaraf Laluan Pejalan Kaki / Berbasikal di Pesisir Sungai Perai (Taman Inderawasih – Taman Kimsar), Perai, Seberang Perai Tengah dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai (Fasa 1)**.
2. Izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, kerana sudi melapangkan masa hadir dan seterusnya merasmikan **Majlis Pecah Tanah di Pesisir Sungai Perai** pada pagi yang berbahagia ini.

3. Seajar dengan ***Penang2030: A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation***, MBSP telah bercadang untuk menaiktaraf laluan pejalan kaki / berbasikal di Pesisir Sungai Perai (Taman Inderawasih – Taman Kimsar), Perai, Seberang Perai Tengah yang bertujuan untuk untuk mempromosikan gaya hidup yang lebih sihat untuk semua lapisan masyarakat di Seberang Perai.
  
4. Projek naiktaraf ini merupakan cadangan MBSP bagi merealisasikan kelestarian alam sekitar, kehidupan berkualiti untuk meningkatkan kesedaran komuniti setempat dalam mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif seajar dengan seruan Kerajaan Negeri dalam mewujudkan Bandaraya Rendah Karbon dan berdaya huni. Majlis mendokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi Negeri Hijau yang pertama di Malaysia.
  
5. Majlis telah membuat permohonan secara rasmi melalui surat yang telah dihantar kepada KPKT pada 21 Oktober 2022.
  
6. Kawasan ini merupakan salah satu tumpuan rekreasi penduduk setempat kerana ianya terletak di dalam pola penempatan serta berhampiran dengan laluan utama ke Bandar Sunway, Seberang Jaya.

7. Dalam Fasa 1, kerja-kerja naiktaraf akan bermula di tanah lapang milik MBSP di Lengkok Kikik 8, Taman Inderawasih. Kawasan naiktaraf yang terlibat terletak di Lot 1243, 1246 dan Pesisir Sungai Perai dengan anggaran keluasan 2,864 meter persegi.
8. Anggaran panjang laluan yang dinaiktaraf adalah sepanjang 300m dan 2m lebar dengan kos keseluruhan berjumlah RM440,000.00.
9. Peruntukan bagi projek ini adalah daripada KPKT di bawah peruntukan BP1 di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2022.
10. Antara komponen-komponen yang disediakan adalah;
  - (i) Laluan pejalan kaki / berbasikal
  - (ii) Dataran
  - (iii) Penanaman rumput
11. Projek naiktaraf ini merupakan antara langkah penambahbaikan ke atas kemudahan sedia ada di samping memberi nilai tambahan (*value added*) ke atas kawasan lapang sedia ada yang berfungsi sebagai '*Green Lung*' untuk kegunaan masyarakat setempat.

12. MBSP akan meneruskan usaha dalam menaiktaraf lebih banyak lagi kawasan lapang di Seberang Perai. Pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf landskap di kawasan-kawasan lapang ini diiktiraf mampu untuk mempromosikan gaya hidup yang lebih sihat untuk semua lapisan masyarakat di Seberang Perai.
13. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi yang bermakna ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy dan semua yang hadir pada hari ini ke **Majlis Pecah Tanah bagi Kerja-Kerja Rekabentuk dan Naiktaraf Laluan Pejalan Kaki / Berbasikal di Pesisir Sungai Perai (Taman Inderawasih – Taman Kimsar), Perai, Seberang Perai Tengah dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai (Fasa 1).**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***